

10 DEC 1998

MASA-PERKAPALAN/I (Dengan Gambar)

MASA MAHU PERBINCANGAN MENGENAI PEMBENTUKAN SYARIKAT PERANTARA KEBANGSAAN

KUALA LUMPUR, 10 Dis (Bernama) -- Pemilik kapal Malaysia hari ini menggesa kerajaan menimbang pandangan daripada peserta-peserta industri dalam membentuk Syarikat Perantara Kebangsaan dan Agensi Perkapalan Setempat.

"Kami yakin persatuan perkapalan akan menyambut baik peluang untuk menyuarakan cadangan mereka kepada Kementerian Pengangkutan mengenai perkara itu," kata pengerusi Persatuan Pemilik Kapal Malaysia (MASA) Mirzan Mahathir.

Beliau berkata kepentingan pemegang saham terutamanya pengendali pelabuhan yang berminat untuk membawa lebih banyak kargo ke pelabuhan mereka perlu menimbang dengan berhati-hati terhadap kepentingan syarikat yang dicadangkan itu bagi memastikan ia adalah berdaya maju.

Bercakap kepada pemberita, Mirzan berkata hingga ke saat ini, masih belum jelas apakah yang akan dilakukan oleh syarikat yang dicadangkan itu walaupun secara prinsipnya MASA menyokong idea itu.

Beliau berkata antara persatuan yang perlu dijemput untuk memberikan pandangan mereka termasuklah MASA, Persekutuan Ejen-ejen Penghantaran, Persatuan Agensi Perkapalan Pelabuhan Klang, Persatuan Saudagar Pengangkutan Kontena Malaysia dan Persatuan Pemilik Kapal Antarabangsa Malaysia.

Beliau menambah persatuan pengurus perkapalan iaitu Persekutuan Pekilang Malaysia, Dewan Perniagaan dan Perindustrian Antarabangsa Malaysia dan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kebangsaan Malaysia seharusnya dijemput untuk memberikan cadangan mereka.

Kerajaan tidak boleh mengenyakan input berharga mereka untuk memastikan kejayaan pembentukan organisasi baru itu, katanya selepas melancarkan buletin suku tahunan MASA, The Ship Monitor.

Walaupun MASA mempunyai hubungan rapat dengan badan kerajaan berkaitan, Mirzan kecewa ia jarang membincangkan mengenai isu-isu baru oleh kerajaan.

"Terdapat contoh di mana dasar-dasar gagal kerana ia dirangka tanpa merujuk terlebih dahulu kepada peserta industri dan tidak praktikal kerana kurang pemahaman terhadap operasi industri," tambahnya.

Mengenai prospek bagi industri perkapalan, beliau berkata jangkaan pemulihan ekonomi pada 1999 dengan ramalan pertumbuhan kira-kira 0.7-1.7 peratus, adalah satu jangkaan baik bagi sektor itu kerana ia bergantung kepada perdagangan.

Beliau menambah pada 1998, industri perkapalan seperti sektor lain, tidak terkecuali daripada menerima kesan daripada kegawatan ekonomi yang kini mula merebak ke seluruh dunia.

-- BERNAMA

MSL ZK OS